

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 30 Jun 2021 12:48
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'Webinar ICC UUM Bersama MyIPO: Apa Itu Paten?' Perjelas Isu Paten Reka Cipta



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia


30 JUN 2021 / 20 ZULKAEDAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohd Afnan Abdul Khoni
Gambar oleh: Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC)

'WEBINAR ICC UUM BERSAMA MyIPO: APA ITU PATEN?' PERJELAS ISU PATEN REKA CIPTA



UUM ONLINE: Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) telah menganjurkan 'Webinar Bersama MyIPO: Apa itu Paten?' secara dalam talian di aplikasi Webex, baru-baru ini.

Webinar yang berlangsung selama dua jam itu disampaikan oleh Pegawai Pemeriksa Paten Kanan dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Sofia Rehan Ramli bersama moderator, Prof. Madya Dr. Khadijah Mohamed yang merupakan Timbalan Pengarah ICC.

Dalam perkongsian itu, Sofia Rehan menerangkan bentuk-bentuk reka cipta yang boleh dipatenkan, syarat-syarat kebolehpatenan sesuatu reka cipta, contoh-contoh yang bersesuaian dengan bidang tujuhan yang terdapat di UUM serta tips dan panduan bagaimana untuk menggunakan maklumat dalam carian paten dalam membantu sesuatu usaha inovasi yang sedang dijalankan.

Tambahnya, program yang dianjurkan oleh ICC ini juga bersesuaian dengan program mingguan yang dianjurkan oleh MyIPO dalam usaha memberikan ilmu baru kepada orang ramai.

Peserta program turut memanfaatkan sesi soal-jawab dengan mengutarakan pelbagai persoalan berkaitan harta intelek terutamanya yang berkaitan dengan paten termasuk panduan untuk mengenal pasti jenis-jenis harta intelek selain paten, prosedur permohonan paten dan potensi kebolehpatenan sesuatu produk atau hasil inovasi yang dibangunkan oleh penyelidik.

Sementara itu, Dr. Khadijah berkata, selain menyahut inisiatif Gagasan Gemilang-Akademia dan Admin Holistik (GAGAH) UUM 2021-2025 yang dilancarkan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) melalui Rapid 3: Inovasi dan Pengkomersialan bagi membudaya dan menyemarakkan aktiviti inovasi dan pengkomersialan di UUM, program tersebut juga merupakan pengisian yang bermakna kepada warga UUM dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.

Hampir 140 peserta menyertai program ini termasuk pensyarah dari Kolej Komuniti Bandar Darulaman, UiTM Cawangan Merbok; Pegawai Undang-Undang dari Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Universiti Malaysia Perlis dan Majlis Agama Islam Kedah serta staf dan pelajar UUM dari pelbagai bidang untuk mendapatkan penerangan tentang harta intelek kategori paten.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.